



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PAKA
23100 PAKA, TERENGGANU

1223/1

PENTAKSIRAN MODUL KECERMERLANGAN
PENDIDIKAN ISLAM
TINGKATAN 4 / 2021
Kertas 1

2 1/2 jam

Dua Jam Tiga Puluh Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi lima soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Semua jawapan hendaklah ditulis pada kertas jawapan yang disediakan.*
[PADA HARI INI ANDA HANYA MENJAWAB 3 SOALAN SAHAJA.]

*** ANDA BOLEH MEMILIH CARA MENULIS JAWAPAN :**

- 1: MENULIS JAWAPAN PADA RUANGAN YANG DISEDIAKAN @
- 2: MENULIS DALAM KERTAS , DAN HANTAR GAMBAR JAWAPAN YANG JELAS KEPADA GURU.

NAMA:

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak

Jawab **semua** soalan.

1 (a) Firman Allah:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾

(Surah al-Baqarah : 188)

Ayat di atas menerangkan bahawa Allah SWT melarang manusia mengambil harta orang lain dengan cara yang batil.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan **dua** larangan tersebut selain daripada rasuah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** bentuk kesalahan rasuah. [4 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** kesan mengamalkan perbuatan rasuah. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُوبِقَاتِ ". قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَمَا هُنَّ قَالَ " الشِّرْكُ بِاللَّهِ، وَالسَّحَرُ، وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ، وَأَكْلُ الرِّبَا، وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ، وَالتَّوَلَّى يَوْمَ الزَّحْفِ، وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلَاتِ

Hadis di atas menjelaskan larangan melakukan dosa-dosa besar.

Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Nyatakan **dua** contoh dosa besar **selain** daripada syirik dan sihir. [2 markah]
- (ii) Apakah yang dimaksudkan dengan syirik jali? [2 markah]
- (iii) Nyatakan **dua** contoh syirik khafi. [2 markah]
- (iv) Terangkan **dua** kesan melakukan perbuatan syirik. [4 markah]

- 2 (a) Al-Muntaqim dan al-Jabbar merupakan nama-nama Allah SWT.
- (i) Nyatakan maksud al-Muntaqim. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** kefahaman mengenai nama Allah SWT al-Muntaqim. [4 markah]
 - (iii) Terdapat sebilangan masyarakat pada hari ini mempersendakan ajaran Islam yang di bawa oleh Nabi Muhammad SAW.

Bagaimanakah anda mengaitkan perkara ini dengan nama Allah SWT al-Muntaqim dalam usaha membanteras perkara ini? [4 markah]
- (b) (i) Apakah maksud nama Allah al-Raqib ? [2 markah]
- (ii) "Keimanan kepada Allah SWT yang bersifat al-Raqib akan membimbing manusia melakukan perbuatan yang baik. "

Bagaimanakah cara yang boleh anda lakukan bagi menunjukkan anda memahami pernyataan di atas ? Huraikan. [4 markah]
 - (iii) Nyatakan **dua** bukti Allah bersifat Ar-Raqib [4 markah]

- 3 (a) (i) Apakah maksud sembelihan? [2 markah]
- (ii) Nyatakan hukum sembelihan [1 markah]
- (iii) Nyatakan tiga contoh alat sembelihan yang dilarang [3 markah]
- (iv) Jelaskan dua syarat sah penyembelih [4 markah]
- (b) Haji dan korban merupakan ibadat yang dilaksanakan dalam bulan Zulhijjah.
- (i) Nyatakan maksud haji dari segi istilah syarak. [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua larangan ihram haji khusus untuk lelaki dari aspek pakaian. [2 markah]
- (iii) Nyatakan Perkara Wajib Umrah. [2 markah]
- (iv) Terangkan dua hikmah melaksanakan ibadah korban. [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

